



**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
SC SARJAN HAJI JOHARI BIN YUNOS MENGENAI
PENGALAMAN BELIAU SEMASA OPERASI PEMBERSIHAN KOMUNIS
DI BUKIT LOCING, PERAK PADA TAHUN 1959**

DI SEDIAKAN OLEH:

**NURAZMAHANIM BINTI MD NASIR
NURUL HUSNA BINTI JOHARI**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 : DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 05
(SEPTEMBER 2013-JANUARI 2014)**

SEKAPUR SIREH

Syukur ke hadrat Illahi, Pemilik sekalian alam, kerana dengan taufik dan hidayat-NYA, dapat kami menyelesaikan tugas penulisan transkrip ini dengan jaya dan mengikut ketetapan masa yang telah di peruntukkan oleh pensyarah kami. Di sini, kami ingin merakamkan jutaan terima kasih serta setinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah membantu kami samaada secara langsung ataupun tidak semasa proses penyiapan tugas ini dahulu. Sekalung penghargaan di diberikan kepada SC Sarjan Johari bin Yunos kerana memberi kerjasama yang berterusan sepanjang proses wawancara diadakan bersama beliau terdahulu. Tanpa kerjasama jitu dan ikhlas dari pihak beliau, tidak mungkin kami mampu menyiapkan dan menghasilkan transkrip yang seakan digambarkan oleh pensyarah kami iaitu, Puan Azuran binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman. Kami juga amat bersyukur kerana beliau sudi menceritakan pengalaman berharga beliau kepada pelapis muda seperti kami. Tanpa pengalaman beliau, amat sukar bagi kami serta generasi muda yang lain untuk memahami, menghayati serta mendekati makna di sebalik kesusahan dan kesukaran yang di alami oleh mereka yang terdahulu dalam memperjuangkan kedaulatan negara untuk keamanan generasi masa hadapan. Tidak lupa juga kepada pensyarah kami, Puan Azura binti Abdul Jamil @ Kamarudzzaman kerana tidak jemu memberi tunjuk ajar, nasihat serta pandangan kepada kami bagi menghasilkan transkrip wawancara ini. Bimbingan beliau banyak membantu serta menyumbang buah fikiran kepada kami agar lebih peka serta berpandangan jauh semasa menjalankan tugas. Akhir kalam, saya selaku wakil ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan setugas saya kerana sudi memberi kerjasama terutama sekali ketika kami mengalami saat kesukaran, halangan dan cabaran sepanjang proses tugas ini di jalankan. Kami percaya, kesusahan dan kesukaran ini akan menjadi intipati kekuatan kepada kami di masa hadapan agar sentiasa bersikap versatile, yakin dan berani serta tidak mudah berputus asa. Semoga transkrip wawancara ini mampu menjadi wadah penjana minda kepada generasi muda kini agar tidak pernah lupa dan berpaling dari sejarah penjajahan yang telah dialami oleh negara kita, yakni Tanah Melayu suatu ketika dahulu.

Sekian, Terima Kasih

ISI KANDUNGAN

<i>ISI KANDUNGAN</i>	<i>MUKA SURAT</i>
<i>Senarai gambar</i>	
<i>Penghargaan</i>	
<i>Abstrak</i>	
1.0 Pengenalan	1-8
2.0 Transkrip Wawancara	9-68
Kaset satu (1) Bahagian A	9-24
Kaset satu(1) Bahagian B	25-40
Kaset dua (2) Bahagian A	41-57
Kaset dua (2) Bahagian B	58-68
3.0 Log Wawancara	69-91
4.0 Biodata Tokoh	92-93

TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA BEKAS KONSTABEL KHAS, SC
SARJAN JOHARI BIN YUNOS MENGENAI PENGALAMAN BELIAU
SEMASA OPERASI PEMBERSIHAN SERANGAN GERILA KOMUNIS PADA
TAHUN 1959 DI BUKIT LOCING, PERAK.

ABSTRAK: *Haji Johari bin Yunos merupakan bekas konstabel khas yang telah di tubuhkan di Tanah Melayu bagi membantu pihak tentera British membanteras kemaraan pihak komunis yang semakin mengasak Tanah Melayu pada ketika itu. Beliau telah menerima latihan ketenteraan di Batalion yang kedua Askar Melayu di Taiping bagi mempelajari cara-cara peperangan hutan selama tiga bulan. Selepas tiga bulan menjalani latihan di Batalion yang kedua Askar Melayu di Taiping, beliau telah lulus lantas di tugaskan untuk menjadi tenaga pengajar di salah sebuah Depo SC di Kulai, Johor bagi melatih pelapis baru konstabel khas. Selama setahun di Kulai, beliau akhirnya telah di arahkan untuk melaporkan diri di Depo SC Tanjung Kling selama tujuh tahun. Haji Johari bin Yunos juga telah banyak menyertai misi-misi membanteras pihak komunis antaranya adalah misi membanteras serangan gerila di Bekok dan juga misi pembersihan serangan gerila komunis di Bukit Locing, Perak. Beliau telah di kurniakan sijil penghargaan oleh Dato Seri Aseh bin Haji Che Mat, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri di atas jasa dan khidmat bakti beliau semasa mempertahankan kedaulatan negara dan keamanan negara semasa darurat pada tahun sembilan belas empat puluh lapan sehingga sembilan belas enam puluh dua.*

KATA KUNCI: *Haji Johari bin Yunos, Gerila Komunis, Konstabel Khas, Depo SC, Batalion yang kedua Askar Melayu.*

1.0 PENGENALAN

Darurat dan Kebangkitan Gerakan Komunis di Tanah Melayu

Zaman Darurat merupakan satu titik hitam dalam sejarah Semenanjung Tanah Melayu di mana berlakunya peperangan tanpa hijab di antara pihak kerajaan dengan pihak komunis atau Parti Komunis Malaya (PKM). Britain telah mengklasifikasikan satu keadaan huru-hara yang melanda di Tanah Melayu pada ketika itu sebagai suatu keadaan atau situasi “ Darurat” antara tahun sembilan belas empat puluh lapan (1948) sehingga sembilan belas enam puluh (1960). Peristiwa Darurat berkait rapat dengan perkembangan dan aktiviti PKM yang bertunjangkan ideologi komunis. Fahaman komunis mula meresap ke Tanah Melayu dalam tahun sembilan belas dua puluh (1920) melalui cawangan Parti Kuomintang, yang mana mempunyai hubungan kait dengan komunis di negara China. Majoriti ahli PKM adalah berbangsa cina namun sebahagian besar penduduk Tanah Melayu pada ketika itu menolak fahaman dan ideologi komunis kerana bagi orang melayu yang sememangnya beragama islam, mereka menolak sebarang ajaran yang bertentangan dengan agama islam dan secara tidak langsung menolak dan tidak menerima sebarang fahaman komunis memandangkan fahaman tersebut tidak mempercayai kewujudan tuhan. Di samping itu PKM dikuasai oleh orang Cina dan ini telah menimbulkan rasa curiga dikalangan orang Melayu dan India. Walau bagaimanapun ramai juga di kalangan orang Cina sendiri tidak berminat dengan PKM sebaliknya mereka lebih berminat bergiat dalam aktiviti ekonomi dan memperbaiki ekonomi mereka. Parti Komunis Malaya mencari ruang peluang dan masa bagi menyebarkan sayap matlamat mereka secara tersembunyi dengan menyertai dan bekerjasama dengan pihak British bagi menyekat kemaraan tentera Jepun pada lapan Disember sembilan belas empat puluh satu (8 Disember 1941) menerusi Tentera Anti- Jepun Rakyat Tanah Melayu (MPAJA). Keadaan ini telah memberi peluang kepada pihak komunis untuk mengukuhkan lagi kedudukan mereka. Menerusi MPAJA, semua bantuan telah disalurkan kepada gerakan mereka dan di perolehi oleh pihak tentera British sendiri. Bantuan-bantuan ini termasuklah bantuan kewangan, perubatan, senjata dan sebagainya.